

MAHATHIR - BERJASA 'R'R'R'  
1983

KOTA BAHARU, 16 APRIL. (BERNAMA)---DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERSETUJU DATUK HAJI MOHAMAD NASIR TERUS MENJADI TIMBALAN Pengerusi Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama Walaupun Beliau Akan Meletak Jawatan Sebagai Menteri Kabinet Mulai Bulan Depan.

Perdana Menteri berkata Datuk Haji Mohamad Nasir sendiri berhasrat untuk terus berkhidmat dalam Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama selepas beliau bersara dari Kabinet.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata beliau tidak mempunyai halangan terhadap hasrat Datuk Haji Mohamad Nasir itu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Muktamar Berjasa yang ketiga di sini petang ini. Kira-kira 300 orang perwakilan dan pemerhati hadir dalam muktamar tersebut yang akan memilih pucuk pimpinan baru Berjasa.

Bagaimanapun, Sekretariat Berjasa tidak mengumumkan keputusan Datuk Haji Mohamad Nasir sama ada akan terus memimpin parti itu atau tidak. Muktamar itu telah ditangguhkan sehingga pukul 9 malam ini khusus untuk membincangkan kedudukan Datuk Haji Mohamad Nasir.  
-- LAGI 1815/II

MAHATHIR - BERJASA 2 KOTA BAHARU

Menyentuh tentang Berjasa, Perdana Menteri berkata beliau sukacita melihat Berjasa berada dalam tenang seperti parti-parti lain dalam komponen Barisan Nasional walaupun berlaku 'pecat memecat' dalam sebuah parti.

Perdana Menteri bangga dengan perpaduan dalam Barisan Nasional dan berharap ianya akan terus dipupuk dan dikekalkan.

Mengenai pucuk pimpinan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata beliau sukacita melihat peralihan pemimpin dalam parti-parti komponen Barisan Nasional berjalan dengan sempurna tanpa sebarang masalah.

Katanya, ini dapat dilakukan kerana para pemimpin mempunyai kesedaran tentang masa-masa yang sesuai untuk mereka bersara dan tidak memegang sesuatu jawatan berpanjangan.

Mengenai pengunduran Presiden Berjasa dari Kabinet, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata keputusan tersebut dibuat secara sukarela oleh Datuk Haji Mohamad Nasir sendiri tanpa ada tekanan atau paksaan.

Keputusan tersebut juga membuktikan keikhlasan dan kejujuran yang terdapat di kalangan para pemimpin politik dalam Barisan Nasional. -- BERNAMA 1820/II